penyelidikan berkelompok untuk menggabungkan bidang sains dan sastera agar wujud kesinambungan falsafah yang berbeza dan meluaskan cabang ilmu dengan merentasi pelbagai bidang ilmu. Oleh itu, USM membentuk Sistem Inovasi bagi mengkaji kehendak universiti dan keperluan masyarakat agar selari dengan perubahan semasa bidang ilmu. Rajah 4 menggambarkan perancangan jangka panjang USM yang bermula daripada proses R&D kepada proses Komersialisasi dan Keusahawanan (C&E) untuk membentuk Taman Penyelidikan. Penjana aspek nampak dan tidak nampak mempengaruhi output yang akan terbentuk termasuk hubungan universiti dengan industri daripada bisnes asas yang dilaksanakan oleh USM untuk mencapai sasarannya melalui penyelidikan berkelompok.

Menurut Ketua Pegawai Informasi PPKT, iaitu Encik Zulham Hamdan, USM telah menyelaraskan dan menyepadukan semua urusan dan aktiviti berkaitan dengan teknologi komunikasi, pengkomputeran dan teknologi maklumat di bawah satu unit, iaitu Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT). Dua pelantar penyelidikan telah mewujudkan laman web, iaitu Engineering Innovation Technology Development (EITD) dan Unit Medical Innovation and Technology Development (MITD) yang menjadi penghubung utama kampus.

Pelantar penyelidikan giat melaksanakan strategi masing-masing termasuk pelantar Transformasi Sosial mengadakan bengkel penilaian kemajuan geran FRGS, mengadakan ceramah penyelidikan di Pusat Pengajian Sains Farmasi dan Pengajian Jarak Jauh, menerbitkan penerbitan di bawah geran FRGS. Pelantar Sains Hayat pula mengadakan kolokium Humboldt-Kolleg, seminar Bio-Entrepreneurship. Sains Klinikal dan Kesihatan juga telah menganjurkan bengkel penulisan proposal saintifik, taklimat daripada Malaysian Science Technology Information Centre, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, mengadakan seminar bersama National Technology University of Singapore oleh pelantar Kejuruteraan dan Teknologi, mengadakan lawatan ke National Research Institute for Earth Science and Disaster Prevention (NIED), Jabatan Kerja Raya Malaysia, kempen bencana alam dan banyak lagi oleh pelantar ICT. Pelantar Kejuruteraan dan Teknologi pula telah menyusun struktur operasinya melalui penubuhan EITD dan membentuk laman web, iaitu [eitd.eng.usm.my](http://eitd.eng.usm.my) yang bertindak sebagai pemudahcara bagi usaha penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan serta hal-ehwal perhubungan di peringkat universiti.

USM menjalankan aktiviti promosi secara intensif dengan negara luar bagi mewujudkan kerjasama antara universiti. Pada tahun 2007, USM mengadakan lawatan ke Xian, Kunming dan Urumuqi di China, Sarajevo di Bosnia Herzegovina, Jeddah di Arab Saudi, Nairobi di Kenya, Muscat di Oman, Kartoum di Sudan, Abarone di Botswana, Beijing di China, dan Tripoli di Libya. Selain mengadakan promosi, USM juga menumpukan kepada Alumni untuk memastikan perhubungan pelajar lepas dengan universiti kekal.

Kejayaan penyelidikan di Antartika yang membawa empat saintis USM telah berjaya mendekati Antartika melalui laluan Australia dan Argentina. Kejayaan ini menunjukkan penyelidik USM setanding dengan penyelidik terkenal lain dan ia menyumbangkan kepada pembangunan jenama USM di peringkat antarabangsa. USM juga mengadakan program ijazah berkembar dengan Universiti Henri Poincare, Perancis, kursus bahasa Inggeris, skim biasiswa khas, pinjaman yuran, dan menyediakan prasarana. Selain itu ia mengadakan promosi untuk penyelidikan

USM dengan mengadakan hubungan aktif dengan Russian Academy of Sciences di Moscow, University of Cambridge di United Kingdom, Finlay Institute dan Centre for Institute of Genetic Engineering and Biotechnology (CIGB) di Cuba.

#### *Aplikasi IMC dalam Penjenamaan USM*

Menurut Timbalan Pendaftar Unit Perhubungan Awam, iaitu Encik Mohamad Abdullah, USM menggunakan komunikasi pemasaran bersepadu dalam mempromosikan imejnya, namun agenda dan alatannya bergantung kepada program yang dijalankan, dan USM tidak mempraktikkan langkah-langkah tersusun yang terkandung dalam literatur kajian. Penentuan mesej dan audiens sasaran bergantung kepada program yang dijalankan dan kesesuaian acara bagi mencapai objektif program. Menurut Gray et al. (2003), laman web dan media cetak menjadi sumber utama dalam menyampaikan maklumat universiti bagi negara Malaysia, Singapura dan Hong Kong. USM menonjolkan imej universiti melalui pemaparan media terutamanya dalam media cetak.

Akhbar *The Star* banyak membuat liputan mengenai USM seperti liputan mengenai perubahan dan pembaharuan, isu pembangunan, kemenangan dan pengiktirafan, pameran, penemuan inovatif, pelancaran majlis tahunan seperti Majlis Konvokesyen, kemasukan pelajar baru, penerapan nilai tanggungjawab sosial dalam kalangan staf dan banyak lagi. USM tidak menghalakan strategi jenamanya ke arah publisiti dan pengiklanan, dan menjual produk seperti yang dilakukan Louisiana State University dan Iowa State University, tetapi USM menonjolkan jenamanya bersama dengan nilai yang tersendiri. Ia termasuklah penemuan inovatif dalam bidang R&D, perasmian program dan pengiktirafan yang diterima oleh USM. Terbaru USM menerima pengiktirafan terhadap ciptaan tulang gantian daripada tulang lembu oleh APA sempena World Exhibition of Innovation, Research and New Technologies di Belgium.

#### **Fasa 4: Menyokong Budaya Pengurusan Aset Jenama**


##### *Sumber Manusia dan Struktur Organisasi Penjenamaan*

Hampir semua responden yang ditemu ramah menyatakan bahawa, USM tidak berfokuskan agenda penjenamaan semata-mata dan ini menyebabkan pembentukan sumber manusia penjenamaan di USM tidak dibentuk secara terperinci seperti yang dicadangkan oleh Davis (2000). Menurut Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dzulkifli Abdul Razak, penjenamaan adalah tanggungjawab semua orang, kerana perkhidmatan yang berikan adalah nilai yang kita bawakan. Ada ketikanya USM menyediakan kumpulan tertentu yang menyediakan maklumat, fakta, dan rangka kerja mengenai bagaimana USM menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Penghasilan monogram adalah menunjukkan USM mempunyai gerak kerja berdasarkan bukti refleksi daripada cara saintifik yang memerlukan bukti untuk setiap tindakan.

USM tidak mempunyai jabatan jenama dan Unit Perhubungan Awam dan BPLK terlibat secara tidak langsung memasarkan produk dan perkhidmatan USM, manakala Bahagian Penyelidikan dan Inovasi terlibat secara langsung dalam menonjolkan kelebihan jenama USM. Badan yang terlibat secara langsung dalam menjenamakan imej penyelidikan USM ialah RCMO, Pelantar Penyelidikan, dan Pejabat Inovasi. Dalam organogram pada Rajah 5, organisasi ini dibantu

oleh USAINS Holding Sdn. Bhd., pusat pengajian dan unit penyelidikan dan perkhidmatan sokongan.

Rajah 5:  
Organogram Bahagian Penyelidikan dan Inovasi USM



Sumber: Laporan Tahunan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (2006)

*Komunikasi Dalaman dan Pembudayaan Penjenamaan di USM*

USM percaya bahawa kepuasan staf universiti dapat menghasilkan perhubungan untuk menyampaikan perkhidmatan dengan kualiti yang tinggi kepada organisasi (Robson, Yarrow, dan Owen, 2005). Oleh itu, USM mengamalkan komunikasi dalaman dengan stafnya melalui program yang dijalankan untuk menyampaikan maklumat mengenai status universiti dan menerima maklumat daripada pengurusan lain serta cadangan, usul dan isu berbangkit mengenai USM. Antara saluran yang wujud ialah Forum Pengurusan yang diadakan enam kali setahun oleh Naib Canselor untuk menyampaikan maklumat terkini dan menerima informasi daripada setiap bahagian, unit, dan pusat pengajian. Ia dihadiri oleh staf akademik dan pengurusan yang layak. Program komunikasi lain dalam Unit Latihan termasuklah Program Intensif Meningkatkan Pengupayaan Insan (PIMPIN) dan program latihan pembangunan lestari, siri ceramah umum, kursus penilaian tahap kecekapan, kursus sijil pengajaran dan pembelajaran, kursus induksi umum dan induksi khusus, kepimpinan dan pembangunan eksekutif, keupayaan sendiri, bengkel penulisan dan penerbitan, penyelidikan S&T, dan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Amalan ini telah menjadi rutin bagi warga USM dan membentuk budayanya yang tersendiri hasil daripada prosedur pengurusannya. Antara budaya yang terbentuk hasil penjenamaan oleh Davis (2000) ialah komunikasi dalaman, anugerah, dan sistem pengukuran. USM mempunyai Forum Pengurusan, program dalam Unit Latihan, Anugerah Sanggar Sanjung, dan pengukuran KPI serta kedudukan USM yang menjadi rutin aktiviti bulanan dan tahunan di USM.

### Aplikasi Pengukuran Prestasi Penjenamaan

Menurut Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar (HEPP), Profesor Madya Omar Osman, terdapat dua jenis pengukuran penjenamaan di USM, iaitu pengukuran dalaman dan pengukuran luaran. Pengukuran dalaman melibatkan Petunjuk Semasa termasuklah pengukuran terhadap maklumat graduan, kewangan, kecekapan organisasi, dan insan. Pengukuran luaran pula melibatkan pengukuran yang tidak diterbitkan termasuk pengiktirafan sebagai Universiti Penyelidikan dan penarafan sebagai universiti awam serta pengiktirafan yang diterbitkan oleh *The Times Higher Education Supplement*, *Webometrics*, dan kejayaan dalam dan luar negara. Pengiktirafan yang diberikan oleh pihak luar terhadap USM berdasarkan kemampuan dan kelayakan tertentu yang membolehkan pencapaian USM diiktiraf.

**Jadual 2:**  
Pencapaian USM dalam penilaian universiti penyelidikan 2007

Seksyen	Kriteria	Markah Penuh	Pencapaian USM
B:	Kuantiti dan kualiti penyelidik (staf, pelajar pasca siswazah, geran penyelidikan, anugerah)	25.00	20.05
C:	Kuantiti dan kualiti penyelidikan (staf, geran penyelidikan, konsultan, penerbitan)	30.00	20.92
D:	Kuantiti pelajar siswazah (staf, pelajar pra siswazah, pelajar pasca siswazah)	10.00	6.62
E:	Kualiti pelajar siswazah (pelajar pasca siswazah)	5.00	4.84
F:	Inovasi (harta intelektual)	10.00	10.00
G:	Perkhidmatan profesional dan hadiah (perundingan, pengujian, hadiah)	7.00	7.00
H:	Rangkaian dan hubungan (staf, geran penyelidikan, MOU, pengujian, anugerah)	8.00	3.92
I:	Kemudahan sokongan (peralatan utama)	5.00	4.40
<b>JUMLAH</b>		<b>100.00</b>	<b>77.9</b>


Sumber: Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat (2006)

Dalam menetapkan skema pengukuran, USM tidak terkecuali mengambil kira persembahan nampak dan tidak nampak imej termasuk kualiti kurikulum, fasiliti, inovatif, perhubungan interpersonal, dan pembawaan nilai positif oleh pelajar. Dzulkifli dan Ramli (2006) menyenaraikan kriteria pengukuran yang melibatkan

aspek sumber manusia yang menyediakan kepakaran yang ditentukan, pusat kecemerlangan, geran penyelidikan, program pasca siswazah, anugerah dan pengiktirafan, penerbitan, paten dan produk komersial, rangkaian, dan jenama USM. Pengukuran yang menyeluruh yang menilai prestasi USM adalah seperti kriteria di bawah dan dapat dilihat dalam Jadual 2.

Langkah pengukuran yang dipraktikkan di USM berbeza dengan California State University yang melihat pengukuran penjenamaan yang spesifik berbanding USM mengukur berdasarkan kriteria keseluruhan imej universiti. Namun, Jackson (1998) meletakkan langkah pengukuran yang hampir sama dengan USM, iaitu bermula dengan pembentukan kumpulan audit, merancang latihan, mengendalikan penyelidikan, seterusnya menganalisis data dan melaksanakan penemuan pengukuran. Rajah 6 menunjukkan langkah pengukuran di USM yang melibatkan pengumpulan data daripada Pusat Tanggungjawab, mengadakan soal selidik dengan melibatkan audit dalaman, analisis data yang akan dibandingkan dengan KPI (kriteria penilaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi—KPT). Pemarkahan data seterusnya diletakkan berdasarkan sistem skor yang sah.

**Rajah 6:**  
Proses pengauditan prestasi universiti 2006



Sumber: Laporan tahunan BPLK (2006)

## KESIMPULAN

Penjenamaan di USM tidak menepati kriteria penjenamaan. Walaupun begitu, USM cuba untuk muncul dengan imej yang lebih unggul dan teguh untuk dijenamakan. Daripada 123 program yang disenaraikan, sebanyak 91 program adalah dalam bidang penyelidikan. Ini mendorong USM menumpukan perhatian yang lebih kepada bidang penyelidikan berbanding program lain, kerana ia merupakan program utama yang menaikkan nama USM selama ini dan boleh dijadikan imej kepada USM yang menyokong pembentukan jenama keseluruhan. Penemuan imej ini telah mencetuskan idea untuk memantapkan imej dengan menjalankan strategi untuk menarik pelanggan USM dan menstrukturkan semula organisasi agar ia lebih tersusun untuk menghasilkan output yang berkualiti. Hasilnya USM berjaya

menandingi universiti yang lebih berusia dengan mendapat pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan terbaik di Malaysia.

USM mempunyai visi jenama dan gambaran jenama, tetapi tidak melaksanakan strategi penjenamaan secara sedar dan intensif. Walaupun USM mempunyai pejabat yang menjual imej R&D yang mempunyai fungsi hampir sama dengan jabatan jenama, USM tidak mempunyai jabatan khusus untuk menjalankan aktiviti penjenamaan. Terdapat beberapa kriteria pengukuran di USM yang sama dengan literatur, tetapi subjek pengukuran adalah berdasarkan institusi pendidikan. USM mengikuti fasa asas dalam model Davis (2000) sebagai rangka kerja kajian, namun USM menggunakan pendekatan yang tersendiri dalam menentukan perancangan, strategi dan proses, sumber manusia yang terlibat dan pengukurannya.

Walaupun jenama USM dikenali di peringkat Malaysia dan dunia, ia terhasil daripada perlakuan staf dan budaya yang diamalkan serta program yang dijalankan dan bukan berdasarkan amalan penjenamaan yang dijalankan. Oleh itu, USM perlu menjalankan penjenamaan untuk membezakan jenama USM terutamanya universiti dari luar negara. Harapan dan hasrat untuk mengekalkan reputasinya sebagai universiti penyelidikan memberi satu bentuk cabaran baru yang perlu dihadapi oleh Bahagian Penyelidikan dan Inovasi USM. Di samping cabaran baru, tuntutan dan kehendak semasa yang sering berubah juga memerlukan bahagian ini sentiasa perlu dinamik dan berupaya menyesuaikan diri dan berubah dengan pendekatan baru.

## CADANGAN PENJENAMAAN BAGI USM

Dilema IPTA yang sukar memenuhi keperluan industri boleh diatasi sekiranya mereka mengamalkan sepenuhnya teori yang dinyatakan oleh pengkaji lepas sebagai panduan dalam penjenamaan. Oleh itu, untuk mendapatkan kedudukan yang matang dalam negara dan luar negara, USM perlu bersedia untuk mengamalkan langkah-langkah yang dinyatakan oleh pengkaji lepas dan melakukan perubahan, kerana perubahan adalah ciri-ciri yang tetap bagi hayat sesebuah organisasi (Balmer, 2001).

Kedua, USM juga perlu mempunyai gambaran jenama yang lebih jelas supaya warga USM dapat membantu dan menyokongnya. Imej adalah perasaan keseluruhan yang dikongsi oleh sekumpulan manusia dan reputasi merupakan kolektif imej yang wujud (Bromley, 2001). USM perlu memfokuskan kepada imej, teknologi, dan perlakuan pengguna untuk menarik kumpulan berkepentingan. Hal ini kerana penawaran program yang hampir sama di universiti dan pelbagai jenama unik yang tersendiri menyebabkan universiti perlu melabelkan jenama dengan gambaran yang lebih jelas ([www.brandchannel.com](http://www.brandchannel.com)). USM sudah mempunyai imej sebuah institusi pendidikan iaitu pembelajaran dan pengajaran, tetapi USM mempromosikan jenamanya dengan menggunakan kelebihan bidang R&D. Imej universiti penyelidikan terbaik di Malaysia membentuk jenama keseluruhan USM dan ia menggambarkan bahawa USM mempunyai kepakaran akademik yang terlatih, produk yang inovatif, impak penerbitan yang tinggi, mendapat kepercayaan, dan banyak lagi. Ia boleh menyokong kepada peningkatan imej bisnes asas universiti. Gambaran imej yang jelas mengenai matlamat, falsafah dan prinsip perlu untuk mewujudkan kepercayaan, pengalaman, perasaan, pengetahuan, sikap

atau gaya dan persepsi terhadap organisasi untuk menyenangkan warga USM memahaminya. Lagipun isu penjenamaan perlu diberitahu secara jelas kepada semua staf mengenai konsep penjenamaan untuk memastikan mereka dapat menerima aktiviti penjenamaan (Chapleo, 2004). Ia untuk membentuk kesepaduan jenama keseluruhan yang menggambarkan persembahan tersendiri USM. Imej yang terancang boleh menonjolkan pendirian dan tindakan USM dan seterusnya akan membentuk imej yang positif.

Ketiga, untuk menghasilkan sebuah universiti awam yang kukuh dan stabil, jadi warga USM perlu mengurangkan persaingan sesama sendiri. Bersaing secara sihat dapat menggalakkan kerjasama untuk membantu membina satu ekosistem pembelajaran yang sihat terutamanya dalam usaha mempraktikkan penyelidikan berkelompok dan mengelakkan pembaziran sumber yang terhad. USM boleh mempraktikkan universiti ala korporat yang lebih menumpukan latihan kemahiran khusus terhadap pekerja untuk mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing, mempromosi nilai syarikat, mencipta rangkaian peluang intrakorporat dan meningkatkan kesetiaan syarikat, terutamanya menyelesaikan permasalahan pelanggan dalam pasaran (Harris dan De Chernatony, 2001).

Keempat, USM perlu menumpukan kepada media yang sesuai untuk menyebarkan kelebihan yang USM ada. Pemilihan media yang sesuai mampu memberikan impak yang besar dan boleh meningkatkan kefahaman mengenai matlamat, falsafah, dan prinsip kepada kumpulan berkepentingan. Ia disokong oleh Melewar dan Akel (2005) yang menyatakan bahawa universiti seharusnya membangunkan serta melaksanakan beberapa strategi baru mengikut kesesuaian keadaan dan masa agar ia dapat bersaing dengan universiti lain. Walaupun dalam penawaran kursus kritikal, USM menghadapi persaingan daripada sembilan IPTA dan 10 Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan kursus perubatan (*Utusan Malaysia*, Disember 2007). Namun, jika program yang ditawarkan tidak mendapat sambutan, maka IPT mula menggunakan pendekatan bisnes untuk memperkenalkan institusi dengan menumpukan kepada pengiklanan dan arena publisiti (Hill, 1995). Selaras dengan apa yang disarankan oleh Kotler (2001), organisasi perlu memposisikan semula, jika pesaing melebihi jenama organisasi. Penekanan perlu diberikan kepada acara dalam televisyen dan perhubungan awam seperti pameran perdagangan dan hari terbuka. Manakala peralatan promosi lain seperti *bookmarks*, pelekat, risalah, dan poskad merupakan sumber yang paling kurang membekalkan maklumat kepada pelajar di Asia (Gray et al., 2003).

Kelima, USM perlu membentuk semula struktur organisasinya dengan mewujudkan jabatan jenama bagi meningkatkan lagi reputasi. Kepentingan penstrukturan semula organisasi juga adalah untuk mengekalkan kedudukan jenama dan seterusnya membentuk aktiviti secara berkumpulan yang diuruskan oleh pihak atasan (De Chernatony, 1996), mewujudkan perhubungan yang kerap antara pekerja dengan kumpulan jenama dan pekerja boleh mengetahui lebih lanjut mengenai jenama (Harris dan De Chernatony, 2001), membolehkan aktiviti penjenamaan dijalankan secara berterusan walaupun berlaku pertukaran pekerja, dan memupuk inovasi sosial. USM perlu melantik pekerja yang mahir dalam bidang S&T dan komunikasi dalam jabatan jenama, agar maklumat spesifik R&D USM dapat diperjelas. Jabatan jenama ini perlu menumpukan kepada penjonolan jenama USM, menguarkannya agenda USM kepada masyarakat luar, memberikan

penekanan terhadap pernyataan nilai dalam universiti, dan pelaksanaan misi universiti bersama dengan bukti yang kukuh.

## RUJUKAN

- Balmer, J.M.T. 2001. From the Pentagon: A new identity framework. *Corporate Reputation Review*, vol. 4(1), hal. 11-22.
- Belanger, C. et al. 2002. Institutional image and retention. *Tertiary Education and Management*, vol. 2(8).
- Blackett, T dan G. Denton. 1987. Developing New Brands. Dlm. *Branding: A Key Marketing Tool.*, ed. John M. Murphy, hal. 73-85. New York: Macmillan.
- Bowker, D. 2004. The public relations perspective on branding. Dlm. *The Economist, Brands and Branding*, hal. 143-156. New Jersey: Bloomberg Press.
- Bromley, D.B. 2001. Relationships between personal and corporate reputation. *European Journal of Marketing*, vol. 35(3/4), hal. 316-334.
- Brymer, C. 2004. What makes brand great. Dlm. *The Economist, Brands and Branding*. New Jersey: Bloomberg Press, hal. 65-76.
- Bunzel, D.L. 2007. Universities sell their brands. *Journal of Product and Brand Management*, vol. 16(20), hal. 152-153.
- Chapleo, C. 2007. Barriers to brand building in UK universities? *International Journal of Nonprofit and Voluntary*, vol. 12 (1), hal. 23-33.
- Chapleo, C. 2005. Do universities have "successful" brands? *International Journal of Educational Advancement*, vol. 6 (1), hal. 54-64.
- Chapleo, C. 2004. Interpretation and implementation of reputation/brand management by UK university leaders. *International Journal of Educational Advancement*, vol. 5(1).
- Davis, S.M. 2000. *Brand aset management*. San Francisco: Jossey-Bass
- De Chernatony, L. 1996. Integrated brand building using brand taxonomies. *Marketing Intelligence and Planning*, vol. 14(7), hal. 40-45.
- Dzulkifli, A. R. dan Ramli, M. 2007. Instilling the 'soul' of education in a challenging, competitive and demanding public university system: The experience of USM. Kertas kerja di Persidangan Global University Network for Innovation – Asia and the Pacific (GUNI-AP), 3-4 Disember, Hangzhou, China.
- Dzulkifli, A. R. 2007. *Universiti Hari Muka: Lakaran Senario Pasca-Tsunami*. Siri Perutusan Tahunan Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Dzulkifli, A. R. dan Ramli, M. 2006. Dis-endangering research and knowledge creation inertia amidst constraints in a teaching university: The experience of Universiti Sains Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di Global Colloquium of the UNESCO Forum on Higher Education, Research and Knowledge, on Universities as Centers of Research and Knowledge Creation: An Endangered Species? 29 Nov–1 Dec, UNESCO, Paris, France.
- Dzulkifli, A. R. 2005. *Revolusi Pendidikan: Merekeyasa Sebuah Universiti*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ellwood, I. 2002. *The Essential Brand Book*. United Kingdom: Kogan Page.

- Fan, Y. 2005. Ethical branding and corporate reputation. *Corporate Communications*, vol.10 (4), hal. 341-351.
- Fisher, R. 2005. Marketing U. *Marketing*, vol. 110(10).
- Freeman, I. dan, M. Thomas. 2005. Consumerism in education: A comparison between Canada and United Kingdom. *The International Journal of Educational Management*, vol. 19(2/3), hal. 153-178.
- Gabrielsson, M. 2005. Branding strategies of born global. *Journal of International Entrepreneurship*, hal. 199-222.
- Gray et al. 2003. Branding universities in Asian markets. *The Journal of Product and Brand Management*, vol. 12, ( 2/3), hal. 108-12.
- Harris, F. dan L. De Chernatony. 2001. Corporate branding and corporate brand performance. *European Journal of Marketing*, vol. 35 (3/4).
- Hill, F.M. 1995. Managing service quality in higher education: The role of the student as primary consumer. *Quality Assurance in Education*, vol. 3(3).
- Hilton, S. 2004. The social value of brands. Dlm. *The Economist, Brands and Branding*. New Jersey: Bloomberg Press, hal. 47-64.
- Holm, O. 2006. Integrated marketing communication: from tactics to strategy. *Corporate Communication: An International Journal*, vol. 11(1), hal. 23-33.
- Holt, D.B. 2004. *How Brands Become Icons: The Principles of Cultural Branding*. USA: Harvard Business School Press.
- Jeannet, J.-P. dan H.D. Hennessey. 2004. *Global Marketing Strategies*. Boston: Houghton Mifflin.
- Jevons, C. 2005. Names, brands, branding: beyond the sign, symbols, product and services. *Journal of Product and Brand Management*, vol. 14(2), hal. 117-118.
- Kotler, P. dan G. Armstrong. 2004. *Principles of Marketing*. New Jersey: Prentice Hall.
- Kotler, P. 2001. *A Framework for Marketing Management*. New Jersey: Prentice Hall.
- Lee, M.N.N. 2004. *Research Assessment in Institutions of Higher Learning*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Macrae, C. dan Uncles, M. 1997. Rethinking brand management: The role of brand chartering. *Journal of Product and Brand Management*, vol. 6(1), hal. 64-77.
- Mason, R.E., P.M. Rath, S.W. Husted, dan R.L. Lynch. 1995. *Marketing Practices and Principles*. New York: Glencoe.
- Melewar, T.C. dan S. Akel. 2005. The role of corporate identity in the higher education sector: A case study. *Corporate Communications*, vol. 10(1), hal. 41-57.
- Onkvisit, S. dan J.J. Shaw (1997). *International Marketing*. New Jersey: Prentice Hall.
- Robson, A., D. Yarrow dan J. Owen. 2005. Does quality drive employee satisfaction in the uk learning sector? *International Journal of Quality and Reliability Management*, vol. 22(5), hal. 465-484.
- Rooney, J. A. 1995. Branding: A trend for today and tomorrow. *The Journal of Product and Brand Management*, vol. 4(4), hal. 48-56.
- Rowley, J. 2004. Online branding: The case of McDonald's. *British Food Journal*, vol. 106(2/3).
- Rowley, J. 1997. Managing branding and corporate image for library and information

- services. *Library Review*, vol. 46(4).
- Schultz, D.E. 1993. Integrated marketing communication: Maybe definition is in the point of view. *Marketing News*, vol. 27(2).
- Schultz, D.E. 1995b. Should students learn IMC? *Marketing News*, vol. 29(20).
- Sreedhar, M., B. Vishag, dan R. E McDonald. 2005. Integrated marketing communication (imc) and brand identity as critical components of brand equity strategy: A conceptual framework and research propositions. *Journal of Advertising*, vol. 34(4), hal. 69-81.
- Swartz, J.A., T. A. Swartz, dan P. Liang. 2007. Market meltdown: Recruiting qualified business faculty. *Journal of Education for Business*, vol. 82(6), hal: 337-343.
- Temporal, P. 2002. *Advanced Brand Management: From Vision to Valuation*. Singapore: Wiley.
- Thomas, S. dan S. Busby. 2003. Do industry collaborative projects enhance students' learning? *Education+Training*, vol. 45(4), hal. 226-235.
- Thompson, D. 2000. Branding hasn't changed much. *MC Technology Marketing Intelligence*, vol. 20(4), hal. 90-95.
- Universiti Sains Malaysia. 2004. *The University in a Garden*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Universiti Sains Malaysia. 2002. *Technical Report on the Acculturation of Potential World Class Research Programmes at USM*. Pulau Pinang: Laporan daripada Jawatankuasa Penasihat Kepada Naib Canselor (JPKNC), Universiti Sains Malaysia.

### Laman Web

- [www.topuniversities.com](http://www.topuniversities.com) dilawati pada 15 Mei 2007
- [www.unesco.org](http://www.unesco.org) dilawati pada 19 Mac 2007
- [www.asiaweek.com/asiaweek/features/universities2000/schools/multi.overall.html](http://www.asiaweek.com/asiaweek/features/universities2000/schools/multi.overall.html) dilawati pada 19 Mac 2007
- [www.usm.my](http://www.usm.my) dilawati pada 25 September 2007
- [www.usm.my/r&d/](http://www.usm.my/r&d/) dilawati pada 25 September 2007
- [www.usm.my/bhepp/](http://www.usm.my/bhepp/) dilawati pada 25 September 2007
- [www.chancellory.usm.my/bpk/](http://www.chancellory.usm.my/bpk/) dilawati pada 25 September 2007
- [www.rce-penang.usm.my](http://www.rce-penang.usm.my) dilawati pada 25 September 2007
- [www.healthycampus.usm.my](http://www.healthycampus.usm.my) dilawati pada 25 September 2007
- [www.usm.my/ppkt](http://www.usm.my/ppkt) dilawati pada 25 September 2007
- [www.brandidentityguru.com/brand\\_marketing.html](http://www.brandidentityguru.com/brand_marketing.html) oleh White, S. dilawati pada 26 September 2006
- [www.brandchannel.com](http://www.brandchannel.com) - "The Brand Called U", dilawati pada 25 September 2007
- [www.whisperbrand.com](http://www.whisperbrand.com). dilawati pada 25 September 2007
- [www.fau.edu](http://www.fau.edu). dilawati pada 25 September 2007
- [www.usuhs.mil](http://www.usuhs.mil). dilawati pada 25 September 2007
- [www.infed.org](http://www.infed.org). dilawati pada 25 September 2007
- [www.uiu.edu/marcon/branding.html](http://www.uiu.edu/marcon/branding.html). dilawati pada 25 September 2007

www.thes.co.uk dilawati pada April 2006

www.tbr.state.tn.us/.../acadaudit/Quality Improvement Handbook.pdf - The Jackson Hole Higher Education dilawati pada 25 September 2007

www.thefreelibrary.com/Supporting+quality+research+in+institutions+of+... - oleh Harman, G. (1998), dilawati pada 25 September 2007

www.thefreelibrary.com/Managing+the+quality+of+teaching+in+higher+... oleh Deden, A. (1998), dilawati pada 25 September 2007

www.nifustep.no/paper50en\_strategy\_identity\_& Branding\_edited. Pdf\_strategy, identity & branding - re-inventing higher education institutions oleh Bjorn, S. (2005), dilawati pada 25 September 2007

www.warwick.ac.uk dilawati pada 1 Februari 2008

### **Majalah/Akhbar/Risalah**

*Antara Kita*, Bil. 3, 2006

Anugerah Akademik Negara, 2006

*Buletin BHEPP*, Ogos dan Disember 2006

*Buletin Korporat*, Jun dan Disember 2006

Buku Anugerah Sanggar Sanjung (2006)

Buku Konvokesyen ke-35 dan 36

*Graduate Infolink*, Ogos 2007

Laporan Tahunan USM, 2001-2006

Laporan Tahunan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (2006)

Pelan Strategik Penyelidikan USM, 2006-2010

Petunjuk Semasa USM, 2001-2006

Prospectus USM, 2007

*Sixty Education*, Ogos 2007

*The Leader*, Jun 2006

*Utusan Malaysia*, Disember 2007

**YSK 500/20 –DISERTASI KOMUNIKASI**

**PERANCANGAN, STRATEGI, SUMBER MANUSIA DAN PENGUKURAN  
DALAM PENJENAMAAN SEBUAH ORGANISASI PENDIDIKAN:  
KAJIAN KES TERHADAP UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**ROHANA BINTI MIJAN  
PKOM0024/06**

---

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2007/2008**

## ABSTRAK

Konsep jenama dan penjenamaan dalam sektor yang tidak mementingkan keuntungan banyak difokuskan dalam penyelidikan akademik beberapa tahun yang lalu. Penulis yang banyak membincangkan dan menerokai kajian ini termasuklah Chapleo, Temporal, De Chernatony, dan Kapferer. Penjenamaan dalam konteks pendidikan tinggi menjadi agenda pengurusan untuk keadaan tertentu sahaja, tetapi masih lagi menghadapi perbincangan yang terhad di kalangan pengurusan universiti. Oleh itu, kajian ini mengamatkan lagi perbincangan mengenai penyelidikan penjenamaan dalam sektor perkhidmatan awam, dengan mengambil Universiti Sains Malaysia sebagai kajian kes. Fokus utama kajian ialah ingin memantau amalan penjenamaan di USM sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dari aspek perancangan dan pengurusan, strategi dan proses, sumber manusia dan struktur organisasi, dan pengukuran prestasi penjenamaan yang dijalankan.

Kajian kualitatif ini menggunakan dua kaedah iaitu temuramah dengan pengurusan kanan yang bertanggungjawab membentuk hala tuju universiti dan kajian dokumen untuk melihat amalan penjenamaan yang dipraktikkan. Data yang dikumpul adalah berlandaskan kepada perbandingan amalan USM dengan literatur kajian. Ternyata misi "Kami Memimpin" telah mendorong USM untuk sentiasa ke hadapan dan menjadi perintis kepada universiti lain. Bermula dengan penemuan imej penyelidikan untuk diprojeksikan sebagai jenama keseluruhan USM, telah mendorong USM untuk melaksanakan strategi bagi memposisikan imej penyelidikannya, menyusun semula sumber manusia dalam bidang penyelidikan, dan menetapkan pengukuran untuk melihat persembahan yang dijalankan. USM mengikuti aliran fasa asas dalam model Davis (2000), tetapi USM tidak menjalankan strategi dalam penjenamaan dan tidak mempunyai jabatan jenama, tetapi pengukuran yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada pengukuran penjenamaan di sebuah institusi pendidikan tinggi.

Didapati, amalan penjenamaan di USM berlaku secara tidak langsung, kerana masyarakat USM tidak menghayati konsep penjenamaan secara intensif dan sedar. Pengiktirafan Universiti Penyelidikan Terbaik di Malaysia adalah hasil daripada paduan usaha yang dijalankan oleh pengurusan USM, bukannya berdasarkan kepada amalan penjenamaan yang dipraktikkan. Walaupun begitu, imej penyelidikan yang dibentuk sekarang, masih lagi belum menyakinkan masyarakat untuk mengabaikan jenama universiti terbilang lain dalam membuat pemilihan destinasi pendidikan. Oleh itu, kajian ini boleh menjadi indikator kepada pihak terbabit dalam usaha untuk menjenamakan USM sebagai sebahagian usaha yang seharusnya dilakukan oleh pengurusan bagi meningkatkan kelebihan imejnya di peringkat antarabangsa.

**KEPUASAN PELANGGAN  
DAN PENJENAMAAN :  
SATU KAJIAN KES  
MENGENAI MAXIS**

**Oleh:**

**TENGGU MOHD YUSRI BIN TENGGU IBRAHIM**

**Tesis yang diserahkan ini untuk memenuhi sebahagian  
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**APRIL 2007**

## ABSTRAK

Sesebuah organisasi membangunkan jenama sebagai salah satu cara untuk menarik perhatian pelanggan. Berbagai-bagai cara yang digunakan oleh organisasi dalam menampilkan imej mereka melalui penjenamaan. Walau apa cara sekali pun yang cuba ditampilkan oleh organisasi-organisasi ini, sama ada organisasi yang berasaskan produk atau organisasi yang berasaskan perkhidmatan atau pun kedua-duanya, tetapi tujuannya adalah sama iaitu ke arah pembinaan imej jenama sesuatu produk/perkhidmatan. Secara tak langsung akan meningkatkan kepuasan dan kesetiaan pelanggan terhadap sesuatu jenama produk atau perkhidmatan.

Kajian ini dilakukan bagi melihat kesan penjenamaan terhadap kepuasan pelanggan di dalam industri telekomunikasi. Ramai pengkaji menjalankan kajian ke atas kepuasan pelanggan dan juga penjenamaan, tetapi hanya sedikit yang melihat penjenamaan sebagai aspek penting dalam mewujudkan kepuasan pelanggan. Di dalam penerokaan literatur yang dilakukan, pengkaji tidak menemui sebarang kajian yang dijalankan yang cuba mengaitkan penjenamaan dengan kepuasan pelanggan, khususnya yang mengkaji tentang pemupukan kepuasan pelanggan melalui penjenamaan.

Objektif utama kajian ini ialah untuk melihat bagaimana kepuasan pelanggan boleh dipupuk melalui penjenamaan berdasarkan kepada satu kajian kes ke atas syarikat telekomunikasi Malaysia, iaitu Maxis Communication Berhad.

Pengumpulan data dilakukan dengan mengadakan temu bual eksklusif sebagai data utama. Di samping itu, data-data sekunder diperolehi menerusi penelitian dokumen seperti laporan tahunan, siaran akhbar, kenyataan akhbar dan sebagainya yang boleh menyokong dapatan kajian ini.

Kajian ini mendapati penjenamaan merupakan satu aspek penting dalam mewujudkan kepuasan pelanggan. Tujuan penjenamaan yang dimaksudkan di sini ialah segala usaha yang dijalankan bagi menampilkan imej jenama sesebuah organisasi. Jika sesuatu jenama sudah tidak asing lagi, maka penerimaan atau pun persepsi pengguna terhadap produk atau perkhidmatan jenama tersebut akan menjadi lebih positif dan para pelanggan mereka yang sedia ada akan merasa puas di samping sebagai daya tarikan kepada pelanggan-pelanggan yang baru.

Dapatan utama kajian secara positifnya membuktikan bahawa penjenamaan sememangnya boleh memupuk dan melahirkan kepuasan pelanggan. Tiga faktor utama yang harus diambil kira dalam menentukan kejayaan penjenamaan ialah strategi, pemupukan dan juga pemantauan mestilah dilakukan secara berterusan. Hasil kajian juga mendapati bahawa aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang diwujudkan oleh organisasi sememangnya amat berguna bagi menaikkan imej jenama organisasi. Secara tak langsung, ia akan dapat memupuk kepuasan pelanggan.

Kajian ini yang menggunakan model Morritt sebagai rujukan, mendapati model tersebut adalah relevan dan benar kerana hasil kajian menunjukkan kaitan yang kuat di antara penjenamaan dalam membentuk kepuasan pelanggan seperti mana yang diutarakan oleh Morritt.

**STRATEGI DAN PENGURUSAN  
PENJENAMAAN:  
SATU KAJIAN KES MENGENAI  
AIRASIA**

Oleh:

**AZEMAN ARIFFIN**

Tesis yang diserahkan ini untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

APRIL 2007

**KEPUASAN PELANGGAN  
DAN PENJENAMAAN :  
SATU KAJIAN KES  
MENGENAI MAXIS**

**Oleh:**

**TENGGU MOHD YUSRI BIN TENGGU IBRAHIM**

**Tesis yang diserahkan ini untuk memenuhi sebahagian  
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**APRIL 2007**

## ABSTRAK

Sesebuah organisasi membangunkan jenama sebagai salah satu cara untuk menarik perhatian pelanggan. Berbagai-bagai cara yang digunakan oleh organisasi dalam menampilkan imej mereka melalui penjenamaan. Walau apa cara sekali pun yang cuba ditampilkan oleh organisasi-organisasi ini, sama ada organisasi yang berasaskan produk atau organisasi yang berasaskan perkhidmatan atau pun kedua-duanya, tetapi tujuannya adalah sama iaitu ke arah pembinaan imej jenama sesuatu produk/perkhidmatan. Secara tak langsung akan meningkatkan kepuasan dan kesetiaan pelanggan terhadap sesuatu jenama produk atau perkhidmatan.

Kajian ini dilakukan bagi melihat kesan penjenamaan terhadap kepuasan pelanggan di dalam industri telekomunikasi. Ramai pengkaji menjalankan kajian ke atas kepuasan pelanggan dan juga penjenamaan, tetapi hanya sedikit yang melihat penjenamaan sebagai aspek penting dalam mewujudkan kepuasan pelanggan. Di dalam penerokaan literatur yang dilakukan, pengkaji tidak menemui sebarang kajian yang dijalankan yang cuba mengaitkan penjenamaan dengan kepuasan pelanggan, khususnya yang mengkaji tentang pemupukan kepuasan pelanggan melalui penjenamaan.

Objektif utama kajian ini ialah untuk melihat bagaimana kepuasan pelanggan boleh dipupuk melalui penjenamaan berdasarkan kepada satu kajian kes ke atas syarikat telekomunikasi Malaysia, iaitu Maxis Communication Berhad.

Pengumpulan data dilakukan dengan mengadakan temu bual eksklusif sebagai data utama. Di samping itu, data-data sekunder diperolehi menerusi penelitian dokumen seperti laporan tahunan, siaran akhbar, kenyataan akhbar dan sebagainya yang boleh menyokong dapatan kajian ini.

Kajian ini mendapati penjenamaan merupakan satu aspek penting dalam mewujudkan kepuasan pelanggan. Tujuan penjenamaan yang dimaksudkan di sini ialah segala usaha yang dijalankan bagi menampilkan imej jenama sesebuah organisasi. Jika sesuatu jenama sudah tidak asing lagi, maka penerimaan atau pun persepsi pengguna terhadap produk atau perkhidmatan jenama tersebut akan menjadi lebih positif dan para pelanggan mereka yang sedia ada akan merasa puas di samping sebagai daya tarikan kepada pelanggan-pelanggan yang baru.

Dapatan utama kajian secara positifnya membuktikan bahawa penjenamaan sememangnya boleh memupuk dan melahirkan kepuasan pelanggan. Tiga faktor utama yang harus diambil kira dalam menentukan kejayaan penjenamaan ialah strategi, pemupukan dan juga pemantauan mestilah dilakukan secara berterusan. Hasil kajian juga mendapati bahawa aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang diwujudkan oleh organisasi sememangnya amat berguna bagi menaikkan imej jenama organisasi. Secara tak langsung, ia akan dapat memupuk kepuasan pelanggan.

Kajian ini yang menggunakan model Morritt sebagai rujukan, mendapati model tersebut adalah relevan dan benar kerana hasil kajian menunjukkan kaitan yang kuat di antara penjenamaan dalam membentuk kepuasan pelanggan seperti mana yang diutarakan oleh Morrirt.